

CNS3810

R GB 29-12 00200BB613

Aab

PROJEK KERETA NASIONAL KEDUA AKAN DIMULAKAN BULAN DEPAN  
Mahathir - Kereta

SUBANG, 29 Dis (Bernama) -- Syarikat Daihatsu Motor Co dari Jepun akan memulakan projek pembinaan kereta nasional yang kedua dengan syarikat tempatan bulan depan setelah beberapa isu yang dibangkitkan oleh syarikat tersebut telah diputuskan oleh kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata antara isu yang dibangkitkan oleh syarikat itu ialah harga kereta tersebut.

Kerajaan mahukan harga yang perpatutan dan murah bagi membolehkan rakyat mampu membelinya, manakala syarikat pengeluar kereta itu terpaksa menanggung kos pengeluaran yang agak tinggi kerana kereta itu tidak akan dikeluarkan sebanyak kereta Proton Saga, katanya pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini sekembalinya dari lawatan ke Jepun dan Korea Selatan malam ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata isu-isu tersebut telah dibangkitkan semasa perbincangannya dengan pegawai-pegawai syarikat itu di Tokyo baru-baru ini.

Katanya, kerajaan perlu membuat keputusan secepat mungkin mengenai isu-isu yang dibangkitkan itu bagi membolehkan projek tersebut dilaksanakan secepat mungkin.

Selain mengadakan perjumpaan dengan Syarikat Daihatsu, Perdana Menteri juga mengadakan perbincangan dengan beberapa syarikat Jepun yang lain antaranya Tokyo Gas, Mitsubishi dan Mitsui. -- Lagi

♥29/12/20-58MST

CNS3814

R GB 29-12 00174 BB614

Aab

Mahathir - Kere ta 2 Subanq

Perdana Menteri pada 17 Dislepas mengumumkan projek kereta nasional Yang kedua itu, Yang akan mengeluarkan kereta-kereta bawah 1,000cc, akan diadakan secara usahasama antara Syarikat Daihatsu Motor Co dan Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Semasa lawatannya ke Jepun, Datuk Seri Dr Mahathir juga mengadakan perjumpaan dengan Maharaja Akihito, Perdana Menteri Kiichi Miyazawa dan Bekas Perdana Menteri Yasuhiro Nakasone.

Beliauberkata semasa perjumpaannya dengan Perdana Menteri Jepun dan Presiden Korea Selatan Roh Tae-woo, isu mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) tidak diperbincangkan kerana tujuan lawatannya ke kedua-dua negara itu bukan untuk melobi mengenai kerjasama itu tetapi untuk merasmikan kompleks kedutaan Malaysia di Tokyo dan melancarkan kapal kontena MISC, Bunga Pelangi, di Korea Selatan.

Mengenai Penqharaman akhbar tabloid +Mingguan Waktu+, beliauberkata kerajaan terpaksa menarik balik permit akhbar itu kerana ia tidak menepati syarat seperti permohonan yang dibuat oleh penerbitnya kepada kerajaan.

Selain itu akhbar tersebut hanya memainkan cerita-cerita yang tidak ada taedah kepada negara, tambahnya. -- Lagi

▼29/12/21-13MST

CNS3815

R GB 29-12 00158 BB615

hab

Mahathir - Keceta 3 (akhir) Subang

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri menafikan pembatalan permit akhbar itu kerana berita-beritanya banyak Yang mengkritik kerajaan.

+Banyak lagi akhbar yang mengkritik kerajaan tetapi kerajaan tidak membatalkan permit mereka,+ katanya.

Beliau berkata +akhbar perlu memainkan peranan untuk membangunkan negara dan bukan hanya berminat mencaci-cerca Semua orang, jika itu Yang dipraktikkannya lebih baik tak ada daripada ada+.

Menurut Perdana Menteri beliau belum lagi membaca keluaran sulung akhbar itu, hanya mendapat laporan daripada Kementerian Dalam Negeri yang Permit akhbar itu perlu dibatalkan kerana tidak menepati permohonan Yang dibuatnya kepada kerajaan.

Beliau juga berkata perjumpaan singkatnya dengan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan semasa singgah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu petang ini, hanya merupakan kunjungan hormat.

Katanya, selain Datuk Seri Pairin, pemimpin-pemimpin UMNO negeri itu dan pegawai-pegawai kerajaan juga menemui beliau di Situ: -- Bernama

▼29/12/21-25MST